

**AWAL ISLAM DI ACEH: ANALISIS
ARKEOLOGI DAN SUMBANGANNYA KEPADA
NUSANTARA**

HUSAINI IBRAHIM

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2010**

**AWAL ISLAM DI ACEH: ANALISIS
ARKEOLOGI DAN SUMBANGANNYA KEPADA
NUSANTARA**

Oleh

HUSAINI IBRAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah**

Januari 2010

PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Tuhan pencipta alam. Selawat serta salam buat Rasulullah Muhammad SAW dan para sahabat. Tesis ini tidak dapat diselesaikan dengan baik tanpa bimbingan, bantuan, sokongan, dan kerjasama beberapa pihak dan individu. Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga. Pertama kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Mohd Mokhtar Bin Saidin, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau tanpa jemu telah membimbing, mengarah, memberi tunjuk ajar dan memberi keyakinan kepada saya sepanjang menyelesaikan tesis ini.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Profesor Emeritus Dr. Zuraina Majid, Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara yang sudi memberi dorongan, nasihat dan semangat terutama pada awal tesis ini dikerjakan. Tesis ini juga tidak mungkin dapat terlaksana tanpa kerja sama Institut Pengajian Siswazah yang sentiasa memberi bimbingan terutama kepada dekan serta kakitangan institut.

Saya jug ingin merakamkan terima kasih kepada kakitangan akademik Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia kerana sentiasa sedia menghulurkan bantuan dan sumbangan fikiran terutama kepada Profesor Madya Dr. Stephen Chia, En. Jeffri Abdullah, En. Hamid Mohd. Isa. Saya turut berterima kasih kepada kakitangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia yang sentiasa menghulurkan bantuan, terima kasih kepada Kak Sharifah Hasnah, Kak Normah, Azman, Sairul, Adenan, Faris dan lain-lain.

Tesis ini kurang saintifik sifatnya tanpa bantuan analisis saintifik makmal dari dalam dan luar negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Nisa, pelajar Master Arkeologi atas bantuan analisis petrografi batu nisan Aceh yang dijalankan di

Makmal Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia. Terima kasih atas bantuan analisis pentarikan radiokarbon dari Makmal Beta Analytic, Florida, Amerika Syarikat.

Kajian lapangan tidak dapat dilaksanakan tanpa bantuan teknikal kakitangan Jabatan Badan Perlindungan Peninggalan Arkeologi (BP 3) Aceh dan Sumatera Utara. Terima kasih kepada En. Isa Ansari, Pengarah Jabatan BP 3 dan kakitangannya. Terima kasih juga kepada Balai Arkeologi Palembang Sumatera Selatan dan Balai Arkeologi Medan Sumatera Utara yang telah memberikan bantuan. Kepada Tuan Abdullah, pengerusi Masjid Indrapuri yang telah membantu dalam survei kerja lapangan. Terima kasih juga kepada Tuan Haji Harun Keuchik Leumiek atas bantuan dan waktu yang disediakan bagi analisis mata wang yang dijalankan.

Kepada pensyarah di Jurusan Sejarah dan Dekan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP) Universitas Syiah Kuala yang telah memberi sokongan dan bantuan dirakamkan terima kasih. Demikian juga kepada Rektor Universiti Syiah Kuala dan kakitangannya yang telah membantu dari segi kewangan dan lain-lain dirakamkan terima kasih.

Keluarga sentiasa menjadi inspirasi dan memberi semangat kepada saya selama menyiapkan tesis ini. Kepada isteri tercinta Halimatussa'diah Binti Mohd. Nur Usman serta anak-anak tersayang Raihan Azka, Ahmad Ziadi, Ahmad Zaki, Arif Zidni dan Kautsar Zuhri, terima kasih atas pengorbanan, kesabaran, kasih sayang dan doa kalian. Buat Ibu Nyak Ubat yang selalu melimpahkan doa dan Allahyarham Teungku Ibrahim Bin Malem yang telah kembali kerahmatullah saat tsunami berlaku di Aceh, semoga Allah melimpahkan taufik dan hidayahNya, Amin.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI PETA	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI FOTO	x
SENARAI LAMPIRAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Isu dan Permasalahan	1
1.3. Kajian Terdahulu	18
1.4 Alasan Pemilihan Tajuk	27
1.5 Lokasi Tapak Penyelidikan	28
1.6 Tujuan Penyelidikan	31
1.7 Kaedah Penyelidikan	32
1.7.1 Survei	35
1.7.2 Ekskavasi	35
1.7.3 Kaedah Radiokarbon	36
1.7.4 Analisis	37
1.7.5 Temubual	37
1.7.6 Interpretasi Data	38
1.8 Organisasi Tesis	38
BAB 2 AWAL ISLAM DI SUMATERA	41
2.1 Pengenalan	41
2.2 Kedatangan Islam ke Sumatera berdasarkan laporan pengembara Asing	41
2.2.1. Sumber Cina	41
2.2.2 Catatan Tome’Pires	43
2.2.3.Catatan Marco Polo	44
2.2.4 Catatan Ibnu Batutta	45

2.3 Perkembangan Islam di Sumatera berdasarkan Sumber-Sumber Melayu	46
2.3.1 <i>Hikayat Raja-Raja Pasai</i>	46
2.3.2 <i>Sejarah Melayu</i>	49
2.3.3 <i>Bustan us-Salatin</i>	51
2.4 Penyebaran Islam di Sumatera	54
2.4.1 Sumatera Utara	55
2.4.2. Palembang, Sumatera Selatan	58
2.4.3. Lampung	59
BAB 3 SEJARAH AWAL ACEH	61
3.1 Pengenalan	61
3.2 Aceh Pada Masa Prasejarah	61
3.2.1 Bukit Kerang	61
3.2.2 Taburan Tapak	62
3.3 Kesenambungan Tradisi Prasejarah di Aceh	64
3.3.1 Morfologi dan Ragam Hias pada Batu Nisan	65
3.3.2 Pola Kediaman	66
3.4 Asal Usul Masyarakat Aceh	69
3.5 Zaman Pengaruh Hindu	71
3.5.1 Benteng Pertahanan	74
3.5.2 Perkuburan Hindu	80
3.5.3 Adat Istiadat	81
3.6 Tapak Awal Islam di Aceh	83
3.6.1 Tapak Peureulak (Abad ke-9 M)	83
3.6.2 Tapak Samudra Pasai (Abad ke-13 M)	85
3.6.3 Tapak Kampung Pande (Sebelum Abad ke-9 M)	87
BAB 4 AWAL PERKEMBANGAN ISLAM DI ASIA TENGGARA	90
4.1 Pengenalan	90
4.2 Dinamika Budaya Asia Tenggara	90
4.3 Teori Awal Islam di Asia Tenggara	94
4.4 Seminar Kajian Awal Islam di Nusantara	97
4.5 Perkembangan Islam di Asia Tenggara	101
4.5.1 Indonesia	101
4.5.2 Semenanjung Malaysia	104
4.5.2.a Melaka	104
4.5.2.b Kedah	106
4.5.3 Brunei	107
4.5.4 Filipina	109
4.5.5 Thailand	110
4.5.6 Myanmar	112
4.5.7 Vietnam	113
BAB 5 AWAL ISLAM DI ACEH BERDASARKAN BUKTI BATU NISAN	116
5.1 Pengenalan	116
5.2 Bentuk Dan Jenis Batu Nisan Aceh	117

5.3 Batu Nisan Awal Islam di Aceh	129
5.3.1 Batu Nisan Teungku Samudra	129
5.3.2 Batu Nisan Kuta Krueng	133
5.3.3 Batu Nisan Kampung Pande	134
5.3.4 Batu Nisan Lamteh	144
5.4 Produk Tempatan Dan Nisan Import	145
5.5 Analisis Petrografi	148
5.5.1 Analisis Petrografi Sampel Batu Nisan Tapak Tuan di Kandang	159
5.5.2 Analisis Petrografi Sampel Batu Nisan Tapak Raja-Raja Kampung Pande	151
5.5.3 Analisis Petrografi Sampel Batu Nisan Tapak Kandang 12	153
5.5.4 Analisis Petrografi Sampel Batu Nisan Tapak Lamteh	154
5.6 Data Tekstual Pada Makam dan Batu Nisan	156
5.7 Seni Ukir Pada Makam dan Batu Nisan	166
5.8 Penyebaran Batu Nisan Aceh di Nusantara	172
BAB 6 PERKEMBANGAN ISLAM DI ACEH: BUKTI MATAWANG, NASKAH KUNO, MASJID KUNO DAN RUMAH TRADISIONAL	179
6.1 Pengenalan	179
6.2 Matawang Aceh	179
6.2.1 Matawang Samudra Pasai	181
6.2.2 Matawang Aceh Darussalam	185
6.2.3 Matawang Pidie	188
6.2.4 Matawang Perlak	189
6.3 Analisis Matawang Haji Harun Keuchik Leumiek	191
6.4 Naskah Kuno	196
6.5 Masjid Kuno	205
6.5.1 Masjid Indrapuri	208
6.5.1.a Sejarah Indrapuri	209
6.5.1.b Survei dan Pemetaan	212
6.5.1.c Ekskavasi	214
6.5.1.d Hasil Kajian Indrapuri	218
6.5.2 Masjid Indrapurwa	222
6.5.3 Masjid Teungku di Anjong	226
6.5.4 Masjid Baiturrahim Uleelheu	228
6.6 Rumah Tradisional Aceh	232
BAB 7 PENUTUP	239
7.1 Kesimpulan	239
7.2 Cadangan	245
RUJUKAN	248
LAMPIRAN	258

SENARAI PETA

Muka surat

1.1 Kedudukan Sumatera di Asia Tenggara yang mendedahkan kepentingan Aceh kepada perdagangan dan perkembangan agama	28
1.2 Tapak Kajian di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam	30
2.1 Penyebaran Islam di Sumatera yang mendedahkan kepentingan dan sumbangan Aceh	56
3.1 Permukiman dan Penyebaran penduduk mula-mula di daerah Aceh	70
3.2 Tapak awal Islam di Aceh	84
5.1 Warisan prasejarah / sejarah Aceh	117
5.2 Peta geologi Banda Aceh dan Aceh Besar	149
6.1 Lokasi Indrapuri Aceh Besar	213

SENARAI JADUAL

Muka surat

4.1 Kronologi penerimaan Islam di Asia Tenggara	115
5.1 Klasifikasi batu nisan di 3 tapak di Kampung Pande mengikut Othman (1988)	142
5.2 Batu nisan jenis bulat, batu biasa dan pipih, jenis khas di 3 tapak di Kampung Pande	143
5.3 Penyebaran batu Aceh di Semenanjung Malaysia	173
5.4 Perkembangan jumlah makam yang memakai batu Aceh yang dikesan di Malaysia	174
6.1 Koleksi wang kuno Haji Harun Keuchik Leumiek	192
6.2 Hasil ekskavasi tapak Indrapuri	217

SENARAI RAJAH

Muka surat

3.1 Konstruksi seni bina rumah Aceh	68
3.2 Kawasan Aceh Lhei Sagoe	77
5.1 Klasifikasi batu nisan menurut Ambary	123
5.2 Klasifikasi batu Aceh menurut Othman	125
5.3 Klasifikasi batu nisan Aceh terbaru dan kronologinya	128
5.4 Sampel cengkerang diambil bagi tujuan analisis pentarikan radio karbon untuk batu nisan jenis selindir di Kampung Pande yang mengesahkan ianya mewakili abad ke-18-19	139

SENARAI FOTO

Muka surat

3.1	Batu nisan jenis khas Kampung Pande Aceh, yang menunjukkan bentuk dan ukiran ragam hias budaya Megalit	65
3.2	Batu nisan Lamteh dengan teks kalimat Tauhid	66
3.3	Sisi bahagian dalam benteng Indrapatra	75
3.4	Salah satu sisi benteng Indrapuri	76
5.1	Contoh batu nisan jenis bucranc di tapak Kampung Pande Banda Aceh	119
5.2	Batu nisan Aceh bentuk persegi panjang dari tapak Indrapuri	121
5.3	Batu nisan Sultan Alauddin Johansyah yang berbentuk bundar mewakili jenis batu nisan abad ke-18	122
5.4	Batu nisan khas Kampung Pande	127
5.5	Makam Sultan Malik al-Shalih Samudra Pasai (batu nisan bentuk pipih bersayap bucranc, abad ke-13)	131
5.6	Makam Sultan Malik al-Zahir Samudra Pasai	132
5.7	Makam Sultanah Nahrisyah Samudra Pasai yang diperbuat daripada marmar	134
5.8	Ribuan batu nisan Aceh yang ditemui dalam survei 2006-2007 yang berada di dalam laut di Kampung Pande	135
5.9	Batu nisan khas Aceh di Kampung Pande yang dijangka merupakan nisan terawal sebelum abad ke-13	136
5.10	Batu nisan jenis pipih bersayap bucranc di dalam laut di Kampung Pande	137
5.11	Batu nisan jenis persegi panjang di dalam laut di Kampung Pande	137
5.12	Ratusan batu nisan jenis selinder di dalam laut di Kampung Pande	138
5.13	Tapak Makam Tuan di Kandang yang telah dibaikpulih selepas tsunami	140
5.14	Batu nisan Aceh pelbagai jenis di tapak Makam Tuan di Kandang yang masih tidak terurus selepas tsunami	140
5.15	Tapak makam Raja-Raja Kampung Pande	141
5.16	Batu nisan Aceh pelbagai bentuk di tapak makam Putrou Ijo	142
5.17	Keadaan batu nisan di Lamteh yang telah diganggu. Kesemuanya telah diselamatkan dan dibawa ke rumah penulis.	145
5.18	Dua buah makam di tapak Kuta Krueng Samudra Pasai Aceh Utara. Jenis batu nisan seperti ini merupakan barang import dari India	147
5.19	Pandangan makro batu pasir sampel batu nisan tapak Tuan di Kandang, jenis nisan A	149
5.20	Pandangan mikro batu pasir batu nisan tapak Tuan di Kandang, jenis nisan A	150
5.21	Batu pasir batu nisan khas tapak Tuan di Kandang	151
5.22	Pandangan mikro batu nisan khas tapak Tuan di Kandang	151
5.23	Batu nisan khas makam Raja-Raja Kampung Pande	152
5.24	Pandangan mikro mendedahkan jenis nisan khas makam Raja-Raja Kampung Pande diperbuat daripada batu pasir berkapur kerana mengandungi kalsit dan fosil	152

5.25	Batu pasir batu nisan makam Kandang 12	153
5.26	Pandangan mikro batu pasir Kandang 12	153
5.27	Batu pasir batu nisan A tapak Lamteh	154
5.28	Gambaran mikro batu pasir, batu nisan tapak Lamteh	154
5.29	Batu pasir batu nisan D tapak Lamteh	155
5.30	Pandangan mikro batu nisan jenis D Lamteh	155
5.31	Teks yang ditemui pada makam Fatimah	162
5.32	Sebuah teks kalimat Tauhid ditemui pada salah satu sisi batu nisan Indrapuri	165
5.33	Teks kalimat Tauhid yang tertera pada sebuah sisi batu nisan Lamteh kota Banda Aceh	165
5.34	Hiasan bunga teratai ditemui pada kemuncak batu nisan Kg.Pande	167
5.35	Hiasan kaligrafi disertai motif flora ditemui pada salah satu penampang nisan Sultanah Nahrisyah Samudra pasai	170
5.36	Sebuah hiasan bunga kalpataru ditemui pada salah satu batu nisan di tapak Sultanah Nahrisyah	171
5.37	Batu Aceh jenis silinder yang ditemui di Kawasan Teluk Duyung Pulau Pinang.	175
5.38	Sepasang Batu Aceh jenis persegi panjang ditemui di Kawasan Teluk Duyung Pulau Pinang	176
5.39	Makam Teungku Syed Hussain Idid di Lebuh Aceh George Town Pulau Pinang	177
6.1	Matawang pertama Samudra Pasai	181
6.2	Matawang pitis dari Aceh abad ke-18	184
6.3	Matawang Aceh Darussalam	187
6.4	Matawang Pedir	189
6.5	Matawang Kerajaan Perlak	190
6.6	Matawang mas koleksi Haji Harun Keuchik Leumiek	194
6.7	Matawang Kerajaan Aceh Darussalam koleksi H.Harun Keuchik Leumiek	194
6.8	Dekorasi pada kitab Fiqih bahasa Melayu, menggambarkan pola hias manusia dan tumbuhan yang digayakan, warna merah mendominasi hiasan ini	201
6.9	Sebuah dekorasi yang menarik dengan suatu gaya kaligrafi tulisan indah diselingi hiasan flora pelbagai jenis warna	201
6.10	“ <i>Tambihghulghafilin</i> “ yang melambangkan dedaun dan buah kayu sebagai sumber kehidupan	202
6.11	Tampak hiasan lingkaran di tengah dengan kaligrafi Muhammad Rasulullah berserta gambar hiasan empat sudut bunga. Di atas dan bawah termaktub tulisan Muhammad Rasulullah	203
6.12	Dekorasi dengan pola hias sebuah bangunan yang kukuh digambarkan dengan warna merah seumpama mengharungi sebuah samudra kehidupan	204
6.13	Survei sungai Indrapuri-Penemuan seramik bertulisan Hindu pada tahun 1836	213
6.14	Petak ekskavasi di Masjid Indrapuri	215
6.15	Stratigrafi yang mendedahkan teknologi pembinaan di zaman Hindu	216
6.16	Tampak hadapan Masjid Indrapuri	218

6.17	Alang tingkat dua-ukiran batu nisan Aceh abad ke-13	219
6.18	Alang bumbung tingkat tiga dengan ukiran batu nisan Aceh abad ke- 16	220
6.19	Teks yang termaktub pada penjuru kolah air	222
6.20	Masjid Indrapurwa sebelum tsunami	224
6.21	Mimbar Masjid Indrapurwa sebelum tsunami	224
6.22	Mesjid asal Teungku Di Anjong sebelum tsunami	227
6.23	Mesjid Teungku Di Anjong setelah dilakukan pembinaan semula, hasilnya tidak sesuai dengan bentuk asal masjid tersebut	228
6.24	Tampak hadapan Masjid Uleelheu sebelum tsunami	230
5.25	Masjid Uleelheu dengan bahagian yang rosak akibat tsunami	230
6.26	Masjid Uleelheu sesudah tsunami	231
6.27	Rumah Aceh di atas tiang-tiang yang membujur antara timur dan barat	237
6.28	Sebuah kaligrafi kalimat tauhid pada tolak angin rumah Aceh	238
6.29	Susunan bumbung rumah Aceh, palang disatukan dengan ikatan tali ijuk dan daun rumbia diikat berlapis-lapis	241

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
1. Keterangan mengenai Uka Tjandrasasmita	258
2. Keterangan mengenai Hasan Muarif Ambary	259
3. Keterangan mengenai Sultan Alaidin Johansyah	260
4. Kertas kerja	261

AWAL ISLAM DI ACEH: ANALISIS ARKEOLOGI DAN SUMBANGANNYA KEPADA NUSANTARA

Abstrak

Kajian mengenai Islam telah banyak dilakukan oleh ramai ahli penyelidik melalui berbagai-bagai pendekatan. Hasil kajian tersebut selain persamaan juga ditemui perbezaan. Antara perbezaannya ialah persoalan mengenai dari mana awal Islam datang, di mana tempat, bila dan siapa yang pertama membawa dan menerima Islam di Nusantara.

Penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan yang pasti dari beberapa perbezaan yang muncul dalam kalangan para ahli penyelidik mengenai awal Islam di Aceh dan perkembangannya. Tujuan lain adalah membuktikan pengaruh dan sumbangan Aceh bagi pengembangan Islam di Nusantara.

Bagi mendapatkan hasil, penyelidikan dijalankan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah arkeologi dan sejarah. Penyelidikan dilakukan melalui kajian kepustakaan dengan menelaah buku-buku, laporan perjalanan, naskah kuno dan lain-lain. Kerja lapangan melalui survei dilakukan di tapak-tapak awal Islam di Aceh iaitu Samudra Pasai Aceh Utara, Indrapuri Aceh Besar, Kampung Pande Kota Banda Aceh dan beberapa tempat lain yang ada hubung kait dengan objek penyelidikan. Ekskavasi dijalankan di tapak masjid Indrapuri, Aceh Besar.

Secara umumnya, kajian sebelum ini menunjukkan bahawa Islam telah wujud di Nusantara sejak abad pertama Hijrah atau sekitar abad ke-7 Masehi. Namun, tidak ada rekod yang jelas secara arkeologi menunjukkan wujudnya sebuah kerajaan Islam ketika itu, hanya lebih berdasarkan kepada laporan pengembara. Kerajaan Islam terawal yang agak jelas ialah Kerajaan Perlak pada abad ke-9 M. Walau

bagaimanapun, buktinya masih tidak kukuh secara arkeologi, hanya berdasarkan satu naskah lama.

Kajian Samudra Pasai diketahui sebagai kerajaan awal Islam pada abad ke-13 M. Bukti Samudra Pasai adalah lebih jelas, bukan sahaja daripada laporan pengembara dan naskah lama, juga ditemui perkuburan pengasasnya yang nisannya mempunyai tarikh abad ke-13 M. Maka, bukti Samudra Pasai adalah paling kukuh tentang kerajaan Islam terawal di Nusantara, iaitu pada abad ke-13 M.

Kajian ini telah menemukan bukti penting kewujudan Kerajaan Islam yang dijangkakan terawal di Aceh dan Nusantara. Berdasarkan kajian arkeologi terhadap nisan Aceh di Kampung Pande, Bandar Aceh, telah ditemui urutan kronologi batu nisan daripada yang terawal (nisan khas) yang tiada di Perlak dan Samudra Pasai, sehingga yang termuda (bentuk silinder). Bukti nisan ini beserta keluasan taburan dan bilangannya menunjukkan adanya sebuah kerajaan Islam awal di Kampung Pande sebelum abad ke-9 M. Analisis petrografi yang dilakukan menggambarkan batu nisan Aceh telah menggunakan bahan asas tempatan dengan teknologi seni batu dan ragam hias yang tinggi.

Berdasarkan bukti baru ini beserta bukti dua kerajaan awal iaitu Perlak dan Samudra Pasai yang terletak di Aceh, jelas menunjukkan bahawa Aceh adalah pusat perkembangan awal Islam di Nusantara atau Asia Tenggara. Justeru itu, Aceh telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung terhadap kebudayaan Islam di rantau ini.

EARLY ISLAM IN ACEH: ARCHAEOLOGICAL ANALYSIS AND ITS CONTRIBUTION TO THE ARCHIPELAGO

Abstract

The study on Islam has been done by many researchers using various approaches. Most of the results of the researches are the same even though there are some differences. Among the differences are questions on when and where the early Islam occurs, and who brought it and accepted it in the archipelago.

This research is aimed at resolving the differences in opinions among the researchers, especially concerning early Islam in Aceh and its developments. In addition, another objective of this research is to determine Aceh's contribution to the development of Islam in the archipelago.

This study was conducted using two approaches, namely archaeological and historical approaches. This study include library research through manuscripts, books, travel writings and others. Field research survey was conducted in early Islamic sites in Aceh such as Samudra Pasai North Aceh, Indrapuri Great Aceh, Kampung Pande Banda Aceh and other places related to the aims of research. The archaeological excavation was also conducted in the Indrapuri mosque in Aceh.

In general, previous research showed that Islam has been existed in the archipelago since the first century Hijrah or around the-7th century A.D. However, there are no archaeological data to support that there was an Islamic Kingdom because most are based on travel writings or reports. The early Islamic Kingdom is the Perlak Kingdom in the-9th century A.D. However, this was determined based on old manuscripts, and not archaeologically proven.

The study of Samudra Pasai known as an early Islamic Kingdom in the thirteenth century is more concrete because it is based not only on the traveller reports, but also from old manuscripts, and the grave of the founder dated to the-13th century A.D. As such, Samudra Pasai has been proven as an early Islamic Kingdom in the archipelago in the thirteenth century.

This research revealed the existence of the earliest Islamic Kingdom in Aceh and the archipelago. Archaeological research on the Aceh grave stone in Kampung Pande, Banda Aceh, has found the chronology of grave stones from early period, which are not found in Perlak and Samudra Pasai and until the late period (in the slender form). The wide spread distribution and numbers of grave stones show that there is an early Islamic Kingdom in Kampung Pande before the-9th century A.D. Petrography analysis of the gravestone revealed that the Aceh stone grave was made from local raw materials using a well-developed stone technology.

Based on the new findings in the early kingdoms of Perlak and Samudra Pasai in Aceh, Aceh was the centre of Islamic development in the Archipelago and Southeast Asia. In short, Aceh has directly or indirect contributed to the development of the Islamic civilization in this archipelago.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini dimulai dengan membicarakan isu dan permasalahan yang berkenaan dengan awal Islam di Aceh dan Nusantara. Isu dan permasalahan tersebut ialah pentarikan, asal agama Islam, daerah pertama menerima Islam, golongan awal pembawa dan penerima Islam dan saluran Islamisasi. Selain itu juga dibicarakan masalah kajian terdahulu, alasan pemilihan tajuk, tujuan dan kaedah penyelidikan. Dalam kaedah penyelidikan dibincang cara-cara pengumpulan data, iaitu survei, ekskavasi, pentarikan, analisis, temubual dan interpretasi data. Akhirnya, bab ini ditutup dengan perbincangan masalah organisasi tesis, iaitu susunan bab yang berjumlah tujuh bab.

1.2 Isu dan Permasalahan

Hasil-hasil penyelidikan para ahli arkeologi di Indonesia menunjukkan bahawa pada amnya mereka menerapkan teori difusionisme dengan orientasi pada artifak yang diteliti (*artifact oriented*), sehingga hasil-hasil penyelidikannya lebih bersifat deskripsi. Hal ini boleh difahami kerana kebanyakan daripada penyelidikan kepurbakalaan di Indonesia pada tahap awal dipelopori oleh ahli filologi Belanda, bukan sarjana yang berlatar belakang arkeologi (Faizaliskandar, 1985:41-43; 1992:39). Kemudian setelah era 80-an, muncul ahli-ahli arkeologi di Indonesia seperti Mundardjito dan Hasan Muarif Ambary yang mulai meninggalkan paradigma lama dan mengarah kepada kecenderungan-kecenderungan baru yang lebih dinamis.

Persoalan isu pentarikan tapak awal Islam di Aceh telah dibincangkan dalam beberapa peringkat, iaitu fasa kajian masa kolonial sejak akhir abad ke-19 yang

dijalankan oleh para ahli luar negara dan fasa kemerdekaan yang dijalankan oleh ahli-ahli arkeologi Indonesia.

Kajian yang dijalankan oleh Snouck Hurgronje (1907) dan Moquette (1912) telah memberi pentarikhkan tapak awal Islam Samudra Pasai abad ke-13 M. Berdasarkan jumpaan pada nisan Sultan Malik al-Shalih, Samudra Pasai merupakan sebuah kerajaan terawal di Aceh dan Nusantara.

Manakala ahli-ahli arkeologi dan sejarahwan Indonesia dalam seminar yang diadakan di Medan 1963, Banda Aceh 1978 dan Rantau Kuala Simpang 1981 telah menetapkan bahawa Perlak di Aceh Timur merupakan tapak dan kerajaan Islam pertama di Aceh dan Nusantara (Hasjmy,1983:45). Pendapat ini berdasarkan sumber-sumber tempatan yang merupakan naskah-naskah kuno yang ada di daerah Aceh.

Masalah utama yang berlaku di tapak-tapak awal Islam di Aceh ialah masalah tiadanya pentarikhkan kronometrik yang lebih saintifik. Belum ada suatu laporan penyelidikan yang memberikan tarikh kronometrik secara lebih pasti suatu tapak awal Islam di Aceh. Kekeliruan boleh sahaja berlaku dalam membaca suatu catatan yang ada pada nisan atau naskah yang ditemui. Selain itu, penyelidikan terdahulu yang dijalankan adalah terhad kepada beberapa kawasan sahaja, manakala daerah-daerah lain yang termasuk daerah awal Islam di Aceh seperti Kampung Pande dan lain-lain kurang mendapat perhatian dan tidak dikaji secara sempurna. Kajian terhadap nisan juga kebanyakannya tiada merekodkan tarikh. Ini menyebabkan kajian terdahulu tidak dapat memberikan pentarikhkan yang kukuh.

Salah satu isu yang dibincangkan berkenaan dengan Islam ialah asal agama Islam itu sendiri, dari mana asal agama Islam sehingga boleh sampai ke Aceh dan kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara. Beberapa kajian (Tjandrasasmita, 2000: 26) menyebutkan bahawa agama Islam yang masuk ke Aceh adalah berasal dari Gujarat

India. Ini dibuktikan bahawa sejak zaman sebelum Islam, Aceh pernah menjalinkan hubungan perniagaan dengan India. Oleh itu, ketika Islam datang ke India, dengan mudah Islam itu turut dibawa ke Aceh dan kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara.

Manakala pendapat lain pula menyebutkan bahawa agama Islam yang masuk ke Aceh adalah langsung berasal dari Arab yang merupakan daerah awal asal Islam di dunia. Pendapat ini pernah dimunculkan dalam kesimpulan seminar masuk dan berkembangnya Islam di Asia Tenggara yang diadakan di Rantau Kuala Simpang Aceh tahun 1981 (Hasjmy,1980:328). Dalam kesimpulan seminar Islam Asia Tenggara ini disebutkan bahawa Islam disebarkan melalui dakwah secara langsung dari Arab ke pelbagai kawasan dunia termasuk Aceh sebagai salah satu matlamat yang dituju.

Selain yang disebutkan di atas, ada juga yang mendakwa bahawa Islam dibawa ke Nusantara melalui negeri China. Dari China, melalui Canton dan Hainan pada abad ke-9 M, Islam tersebar ke beberapa kawasan di Asia Tenggara. Salah satu bukti yang mendukung pendapat ini adalah penemuan batu bersurat di Kuala Berang Terengganu, pantai timur Tanah Melayu. Pendapat ini didukung oleh beberapa orang ahli, salah seorang antaranya ialah S.Q Fatimi, namun banyak juga yang menolak kerana beberapa kelemahannya (Afifah, 2003:8).

Dalam penyelidikan masalah awal Islam di Aceh yang telah dilakukan oleh para pengkaji sebelumnya, banyak teori belum diterapkan sepenuhnya. Masih ada maklumat-maklumat tertentu yang luput dari pengamatan yang seharusnya dikemukakan seumpama kearifan tempatan dalam menerima budaya dan pengaruh luar sehingga budaya awal Islam di Aceh memiliki ciri dan identiti tersendiri yang perlu ditelaah lebih lanjut. Oleh yang demikian, penyelidikan masalah daerah awal menerima Islam di Aceh masih dibincangkan.

Data yang berkenaan dengan awal Islam di Aceh adalah lebih didasarkan pada hasil-hasil seminar yang telah diadakan beberapa kali. Data ini adalah amat terbatas dan lebih bersifat sebagai data sejarah yang masih memerlukan kajian yang lebih mendalam. Seminar terakhir kedatangan Islam ke Aceh dan Asia Tenggara yang berlangsung di Rantau Kuala Simpang Aceh Tamiang tahun 1981 menyatakan bahawa kerajaan Islam yang pertama adalah Kerajaan Perlak, sementara hingga setakat ini dalam banyak buku termasuk buku pelajaran sejarah yang diajarkan di sekolah tetap disebutkan bahawa awal Islam di Nusantara dan kerajaan Islam yang mula tumbuh ialah Kerajaan Samudra Pasai di Aceh Utara. Oleh kerana adanya perbezaan pendapat, maka telah timbullah keraguan terhadap data yang diperoleh di lapangan.

Hingga setakat ini masih banyak pengkaji menyokong pendapat Moquette kerana boleh dipertanggungjawabkan secara saintifik. Menurut Moquette (1913:8) kerajaan Islam pertama di Aceh ialah Samudra Pasai yang didasarkan kepada bukti data tertulis pada batu nisan Sultan Malik al-Shalih yang bertarikh 1297 M. Selain Moquette, ada sarjana yang lebih berdasar pada bukti-bukti naskah yang masih menimbulkan perbezaan interpretasi. Bagi mencari kekukuhan data berkenaan dengan daerah awal menerima Islam di Aceh akan dilakukan kaedah lain yang lebih saintifik untuk menguji kekukuhan data sebelumnya.

Golongan awal pembawa dan penerima Islam di Aceh, hingga sekarang ini masih dibincangkan. Satu golongan sarjana terutama sarjana Barat seperti Moquette dan Snouck Hurgronje mengatakan bahawa para pedagang merupakan golongan yang membawa Islam pertama masuk ke Aceh. Mereka membawa agama Islam sambil berdagang, aktiviti ini dilakukan semasa menunggu musim angin yang baik untuk berlayar. Oleh itu tujuan asal mereka adalah berdagang, kemudian sambil

berdagang mereka menyebarkan agama Islam. Kebanyakan mereka yang melakukan aktiviti ini ialah orang-orang India yang datang berniaga ke Aceh dan kawasan lainnya di Asia Tenggara.

Golongan yang lain seperti Hamka dan Ali Hasjmy menyebut bahawa yang membawa Islam ke Aceh ialah para pendakwah khas, yang datang ke Nusantara dengan niat menyebarkan agama Islam (Hasjmy,1981:37). Walaupun ada aktiviti lain seperti berniaga, itu adalah kegiatan sampingan yang mereka lakukan. Golongan ini merupakan orang-orang Arab yang datang ke pelbagai kawasan termasuk ke Aceh untuk menyebarkan agama Islam.

Persoalan golongan mana yang awal menerima kedatangan Islam di Nusantara, juga masih dibincangkan. Bagi daerah Aceh, Islam mula-mula diterima oleh raja atau penguasa, dengan mudah Islam itu boleh berkembang ke pelbagai lapisan masyarakat dan kawasan-kawasan lain. Manakala bagi daerah tertentu seperti di Jawa, Islam terlebih dahulu masuk melalui masyarakat kecil yang diislamkan oleh para pendakwah yang datang dari luar daerah, setelah melalui perjuangan yang besar barulah Islam masuk ke istana kerajaan.

Isu utama yang sering diperbincangkan berkenaan dengan saluran Islamisasi di Aceh dan kawasan lain di Nusantara yang muncul ialah saluran perdagangan merupakan jalan awal masuknya Islam ke Aceh dan kawasan lainnya di Asia Tenggara. Bukti ini diperkuatkan dengan adanya pedagang-pedagang muslim, baik yang berasal dari Arab, India ataupun China yang melakukan perniagaan sejak kurun ke-7 sehingga ke-14 M.

Apabila membincangkan aktiviti perdagangan Sumatera dalam jalur Asia Tenggara, maka keterlibatannya adalah tidak terlepas daripada kedudukan Sumatera secara geografi yang strategik di jalur perdagangan Selat Melaka. Kedudukan ini

membawa erti penting, kerana terdapat banyak hasil yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai bangsa di dunia yang didapati di kawasan ini. Oleh itu, melalui perkembangan yang terjadi di Selat Melaka, Sumatera dipandang sebagai salah satu bahagian dari perkembangan yang lebih kompleks di sekelilingnya, sehingga ianya mempengaruhi Sumatera sendiri dan kawasan lain di Asia Tenggara.

Analisis mengenai kedudukan Selat Melaka yang merupakan sebuah kawasan yang dihubungkan melalui lalulintas air telah menarik perhatian banyak pakar sejarah maritim. Salah seorang diantaranya ialah Lopian (1992:8) yang menggunakan pendekatan sejarah maritim Indonesia untuk melihat seluruh kawasan perairan yang merupakan kesatuan ribuan pulau yang terpisah-pisah.

Sumatera, khasnya Aceh yang terletak pada posisi yang menguntungkan dan tanah-tanah pertanian yang subur telah membawa kemakmuran bukan hanya bagi pihak kerajaan sahaja, tetapi juga telah membawa kesejahteraan bagi penduduk yang mendiaminya. Padi yang ditanam oleh penduduk di daerah ini dapat dituai dua kali setahun. Perkembangan daerah Aceh bertambah maju setelah tanaman lada yang berasal dari pantai Malabar India dimasukkan ke sana sekitar abad ke-14.

Oleh kerana kedudukan geografi dan keadaan alam Aceh sangat menguntungkan, maka kawasan ini tumbuh dan berkembang dengan cepat. Menurut Tarling (1966:23), kesuburan tanah merupakan salah satu faktor penting bagi munculnya pusat-pusat pemukiman penduduk di kawasan Asia Tenggara. Sejak awal abad Masehi, pusat-pusat pemukiman penduduk ini sudah bermula, namun secara kekuasaan politik kurang berkembang kerana hambatan keadaan alam secara fizikal. Pusat-pusat politik di lembah-lembah sungai sukar dilalui menyebabkan komunikasi yang terhad dengan wilayah lain kerana dibatasi oleh gunung, sehingga antara satu

kawasan dengan kawasan lain menjadi terasing. Komunikasi hanya boleh dihubungkan melalui sungai-sungai tertentu sahaja.

Aceh yang memiliki kedudukan di jalur perdagangan yang menghubungkan antara India dan China merupakan faktor penting bagi perkembangannya sebagai salah satu pusat politik di kawasan Selat Melaka (Ismail,1992:6). Peranan Selat Melaka sebagai jalur pelayaran dan perniagaan sebenarnya telah berlangsung sejak masa prasejarah. Ada lagi jumpaan-jumpaan sampah dapur berupa bekas kulit kerang (Kjokkenmoddinger) di Seruwai Aceh Tamiang dan jumpaan-jumpaan dari zaman Neolitik di beberapa tempat di pesisir timur Sumatera, mungkin boleh dihubungkan dengan adanya hubungan satu kawasan dengan kawasan lainnya (Tjandrasasmita, 1988:67).

Selain yang disebutkan di atas, boleh juga dihubungkan dengan pendapat para pakar dalam masalah pelayaran dan perniagaan yang menyatakan bahawa sudah ada hubungan perdagangan antara kawasan-kawasan di bahagian Asia Tenggara sejak zaman Neolitik, meskipun masih bersifat barter (Soeyono,1984:126). Berdasarkan jumpaan-jumpaan yang diperoleh boleh dikatakan bahawa kawasan di Aceh seperti Perlak, Samudra Pasai, Pedir dan lain-lain sebelum berkembang telah dihuni oleh manusia. Kemudian kawasan ini berkembang menjadi pusat-pusat pemukiman yang seterusnya berjaya mengembangkan kekuasaan politik serta berperanan sebagai sebuah kerajaan Islam di Nusantara.

Dalam perkembangan berikutnya, penduduk Aceh yang merupakan bahagian dari penduduk di Sumatera sejak abad ke-5 dan ke-6 telah ikut terlibat dalam perniagaan jarak jauh antara India dan Cina. Menurut Morley (1949:19), perniagaan jarak jauh antara Laut Merah dengan India dan China telah berlangsung sejak awal abad Masehi. Melihat kondisi Aceh yang berada di jalur perniagaan dan pelayaran

yang strategik, maka ramai pedagang yang datang dan pergi melayarinya dengan membawa bermacam barang dagangan. Antara barang-barang perniagaan yang dihasilkan di Aceh seperti benzoin dan kapur barus sangat disukai oleh pedagang-pedagang Arab, Persi dan China (Selling,1981:58).

Ketika Kerajaan Sriwijaya mengembangkan kekuasaannya pada abad ke-7 dan ke-8, Selat Melaka telah dikunjungi oleh saudagar-saudagar Muslim yang menuju ke Asia Tenggara dan Asia Timur. Berkembangnya pelayaran dan perniagaan antarabangsa antara negeri-negeri di Asia Barat dan Asia Timur, termasuk Asia Tenggara, kemungkinan besar disebabkan oleh kegiatan dan perkembangan kerajaan Islam di bawah Bani Umayyah di bahagian barat dan juga kerana kegiatan kerajaan China di bawah Dinasti T'ang dan Kerajaan Sriwijaya serta kerajaan-kerajaan lain di Asia Tenggara (Tjandrasasmita, 1976:84;1988:68).

Apabila saudagar-saudagar Cina kurang mengunjungi India dan Hindia Belan, peranannya diganti oleh saudagar-saudagar Arab. Para saudagar itu ada yang berlayar terus dari Arab dan ada juga dari India. Sejak akhir abad ke-7 mereka telah datang ke kawasan Asia Tenggara untuk mencari rempah ratus dan bahan ubat-ubatan (Tibbets,1971:472). Mereka bergabung dengan orang-orang India dari Pulicat, Negapatnam dan Masulipatnam Pantai Coromandel. Pada waktu itu, beberapa tempat yang menjadi persinggahan mereka di Kawasan Aceh ialah Pasai dan Pidie di pantai utara Pulau Sumatra, sementara di pantai barat bandar-bandar perniagaan yang mereka singgahi ialah Barus, Indrapura, Tiku dan Pariaman (Selling,1981:65).

Pada abad ke-12, perniagaan yang digalakkan oleh Dinasti Sung mengalami kemunduran, saudagar-saudagar China secara perseorangan banyak yang berniaga ke

luar China. Saudagar-saudagar ini berlayar ke Sumatera, Semenanjung Melayu dan Jawa.

Dalam masa berikutnya, perdagangan di kawasan Aceh mengalami perkembangan, hal ini umpamanya boleh dilihat berdasarkan banyaknya bangsa asing yang datang berniaga di sana. Para saudagar ini singgah dan membawa barangan dagangannya ke beberapa buah pelabuhan yang merupakan bandar-bandar perniagaan yang maju ketika itu seperti Samudra Pasai, Pedir dan juga Bandar Aceh Darussalam. Semasa kemajuan ini, Samudra Pasai misalnya dijumpai kelompok saudagar Turki, Arab, Persia, Tamil, Melayu dan Gujarat, juga banyak ditemui saudagar-saudagar asing. Semasa mencapai puncak kejayaannya, kota-kota di Samudra Pasai mengalami perkembangan yang pesat dengan penduduknya yang ramai. Menurut Tome'Pires penduduk Pasai tidak kurang dari 20,000 orang (Tjandrasasmita, 1990:227). Jumlah itu mungkin tidak berlebihan jika dibandingkan dengan perkiraan de Barros yang menceritakan bahawa tatkala Jorde d'Albuquerque datang di kota Pasai di dalam kompleks istana sahaja terdapat seramai 3,000 orang (Tjandrasasmita, 1990:228).

Dalam catatannya Tome'Pires menyebut bahawa antara barangan yang diperdagangkan di Aceh khasnya di Samudra Pasai ialah lada yang setiap tahun dieksport berjumlah sekitar lapan ribu sehingga sepuluh ribu bahar (1 bahar 375 lbs / pounds, setara dengan 170.25 kilogram). Hasil lain dari kawasan ini ialah sutera dan kapur barus, serta pelbagai ragam barang perniagaan lainnya yang dikumpulkan dari seluruh negeri (Cortesao, 1944:144).

Menurut Tome'Pires bahawa semua barang eksport dikenakan cukai. Setiap bahar yang dieksport diwajibkan membayar cukai satu *maze* (sekitar 1/16 tael atau auns), sedangkan bahan makanan tidak dikenakan cukai kecuali diberikan sebagai

hadiah. Barang-barang yang diimpor dari luar dikenakan cukai masuk enam peratus dan bagi setiap barang yang dijual dengan harga lima mase emas dan setiap barang yang dieksport seperti lada harus membayar cukai satu mase per bahar (Cortesao, 1944:140-47; Tjandrasasmita, 1990:280; 1992:14).

Juga ada disebutkan bahawa di daerah Samudra Pasai tidak dibuat jong (kapal pengangkut). Bagi memuat atau mengangkut barang-barang di sana digunakan perahu-perahu kecil. Samudra Pasai membeli jong dari Melaka, kerana di Samudra Pasai tidak terdapat kayu yang kuat untuk membuat jong. Selanjutnya menurut Tome'Pires, sebagaimana dikutip Halimi (2006), mencatatkan bahawa di Melaka semasa Sultan Muzaffar Syah banyak terdapat jong dan ada yang digunakannya untuk membawa saudagar-saudagar dari Melaka berdagang ke tempat lain.

Sebagai sebuah kawasan perniagaan antarabangsa, Selat Melaka menjadi sangat penting sehingga menyebabkan kekuasaan-kekuasaan politik yang berada di kawasan itu berusaha untuk menguasai jalur laluan perniagaan yang berlangsung di sana. Bagi memperolehi kedudukan yang demikian, pusat-pusat kekuasaan yang kuat lazimnya melakukan serangan-serangan terhadap kekuasaan lain yang dianggap saingannya, atau dilakukan dengan cara menarik saudagar-saudagar asing ke daerah kekuasaannya sehingga dengan serta merta pusat-pusat kekuasaan lain akan mundur.

Pada akhir abad ke-13 Samudra Pasai berkembang dengan pesat tatkala di kawasan Selat Melaka tidak ada pusat kekuasaan yang kuat. Pada masa itu, Kerajaan Sriwijaya telah mengalami keruntuhan. Pusat Bandar Samudra Pasai juga dapat berkembang dengan baik kerana di sana banyak saudagar yang singgah dan menetap.

Setelah terjadi persaingan dengan Majapahit yang hendak mengambil alih penguasaan perniagaan di Selat Melaka, Samudra Pasai mengalami kemunduran. Setelah Melaka muncul sebagai pusat perniagaan baru pada awal abad ke-15,

kemunduran Samudra Pasai tidak tertahan lagi (Ismail,1992:15). Semasa suatu pusat politik baru dibina oleh Sultan Ali Mughayat Syah pada awal abad ke-16 di Bandar Aceh Darussalam, Samudra Pasai ditakluk oleh kerajaan Aceh Darussalam dan dijadikan sebagai daerah bawahan dari kekuasaan baru tersebut.

Dalam perkembangan berikutnya, agama Islam disebarkan melalui perkahwinan antara para pedagang yang telah menetap di beberapa kawasan dengan penduduk tempatan. Cara seperti ini berlangsung dengan mudah kerana sebelum dijadikan isteri, terlebih dahulu gadis tempatan diislamkan dengan mengucap dua kalimah syahadah. Suatu hal yang amat sederhana dan mudah diikuti tanpa memerlukan pentasbihan atau upacara-upacara yang khas (Kartodirdjo,1977:240).

Isu lain yang berkembang dalam penyebaran Islam di Nusantara ialah peranan kaum sufi yang dianggap bukan sebagai penyumbang Islam terawal (*early donor roles*), akan tetapi sebagai penyumbang Islam lewat (*late donor roles*). Menurut Tjandrasasmita (1989:97), bahawa peranan kaum sufi dalam penyebaran Islam di Nusantara muncul sekitar tahun 1300 M.

Bagi menjalankan tugasnya sebagai penyebar ajaran Islam, kaum sufi ini melakukan suatu kehidupan tasawuf atau mistik Islam. Perlakuan yang dilakukan oleh penganut sufi telah memberi suatu pola atau warna tersendiri dalam perkembangan Islam di Nusantara.

Agama Islam juga turut berkembang melalui pendidikan-pendidikan yang dijalankan oleh pihak bukan kerajaan. Pendidikan *dayah* (pesantren) di Aceh merupakan salah satu usaha yang dijalankan untuk mendidik murid bagi mengembangkan ilmu agama ke pelbagai kawasan lain di Nusantara. Pendidikan *dayah* ini kemudian berkembang ke pelbagai daerah dengan menerapkan pola dan sistem masing-masing melalui cara memasukkan kebijaksanaan tempatan. Apabila

dilihat cara-cara Islamisasi yang berlaku pada satu kawasan dengan kawasan lain, di samping terdapat persamaan-persamaan, terdapat juga perbezaan-perbezaan yang timbul.

Dalam penyebaran Islam di Nusantara selain dilakukan dengan cara dakwah melalui lisan, penyebaran informasi secara tulisan, juga dilaksanakan melalui perbuatan nyata. Pelaksanaan kegiatan dakwah seperti ini adalah tidak terlepas dari kaedah yang dianjurkan dalam Islam itu sendiri. Dalam pelaksanaan cara-cara seperti ini bukannya tidak ada cabaran yang dihadapi, terutama cara melalui perbuatan nyata. Pelaksanaan cara yang terakhir ini sering menimbulkan kesan kadang-kadang Islam itu ditegakkan dengan kekuatan senjata atau melalui suatu peperangan.

Kesan Islam disebarkan dengan cara kekerasan sering dilontarkan oleh orang-orang bukan Muslim yang melihat pada penaklukan-penaklukan yang dilakukan oleh orang-orang Muslim melalui peperangan dengan menggunakan senjata-senjata. Sebenarnya apa yang berlaku adalah dalam usaha penyebaran Islam di Nusantara, orang-orang Muslim dengan mudah memperolehi kemenangan kerana kekuatan yang dimiliki Muslim lebih unggul jika dibandingkan dengan Hindu-Buddha yang menjadi lawannya. Menurut Reid (2004), ada dua keunggulan yang dimiliki Muslim iaitu keunggulan di bidang persenjataan akibat kemakmuran dan perkembangan antarabangsa yang tersedia bagi orang Muslim. Sebagai contoh disebutkan bahawa Aceh yang telah menjalin hubungan dengan Turki berjaya memperoleh meriam-meriam besar yang sering digunakan untuk menjayakan pertempuran pada abad ke-16. Keunggulan lainnya yang dimiliki adalah iman kepercayaan Muslim itu sendiri yang memberikan keyakinan bahawa walaupun mereka sedikit, keyakinan mereka memberikan rasa ketenteraman dan kepercayaan diri bahawa Tuhan berpihak kepada mereka. Dalam wujud kekuasaan di Asia Tenggara yang berwatak amat meyakini

agama, faktor keyakinan ini tidak boleh dianggap remeh. Selain jumlah pasukan dan persenjataan, potensi seorang penguasa atau panglima perang, kemampuan memilih hari baik, kekebalan tubuh dan persiapan ritual juga banyak menentukan kejayaan sebuah pertempuran (Reid,2004:47).

Dalam Islamisasi di Nusantara terdapat perbezaan antara kawasan yang sudah menerima pengaruh Hindu-Buddha dengan kawasan yang tidak begitu terpengaruh dengan kepercayaan sebelumnya. Sebagai contoh Aceh yang mula-mula menerima Islam berbeza dengan proses Islamisasi di Jawa yang sudah lama dipengaruhi oleh Hindu-Buddha. Proses Islamisasi di Aceh dimulai dari raja sehingga yang lain-lain seperti kerabat raja dan pegawai-pegawai kerajaan akan mengikutinya memeluk agama Islam. Sebagai contoh adalah Meurah Silu, raja pertama Samudra Pasai yang masuk Islam, menggantikan namanya dengan Malik al-Shalih, lalu kerabatnya dan pegawai kerajaan masuk agama Islam. Dengan demikian proses Islamisasi kepada rakyat secara mudah dapat dilakukan. Berbeza halnya dengan di Jawa, raja sebagai penganut Hindu-Buddha sangat sukar menerima kehadiran Islam, sehingga harus berhadapan dengan kekuatan senjata melalui peperangan atau proses penaklukan setelah terlebih dahulu rakyat memeluk Islam.

Proses penyebaran Islam di Nusantara bukan hanya dilakukan oleh para pendakwah yang datang terus dari Arab, tetapi juga dilakukan oleh para pedagang yang kebanyakan datang dari India. Sambil berdagang mereka menyiarkan agama Islam, melalui kegiatan inilah terjadinya pelayaran di bandar-bandar pelabuhan yang menimbulkan komunikasi terbuka sehingga berlangsungnya pergerakan sosial baik horizontal mahupun vertikal.

Pada peringkat awal penyebaran Islam di Nusantara, kunci kejayaannya adalah terletak pada cara-cara dan pendekatan-pendekatan bijaksana yang dijalankan

oleh para pendakwah. Kelompok ini melakukan dakwah kepada penduduk tempatan, sehingga melalui cara ini akhirnya kewujudan mereka semakin diakui dan dianggap penting dalam struktur komuniti penduduk tempatan tersebut. Mereka dianggap orang yang memiliki keahlian dan sebagai tempat bertanya apabila ada masalah, terutama dalam hal agama.

Kemudian setelah Islam tersebar meluas, kedudukan raja yang telah memeluk Islam memiliki kekuasaan yang luas, sehingga dalam proses penyebaran Islam berikutnya peranan baginda menjadi lebih besar. Melalui kekuasaan yang dimiliki oleh raja, Islam mendapat tempat yang tinggi dan akhirnya diikuti oleh banyak rakyat. Raja merupakan anutan rakyat, bilamana raja memerintah, rakyat mengikutinya termasuk mengikut agama yang dianut oleh raja (Hill,1960:77). Cara tersebut ada kaitan dengan sikap mengagung-agungkan raja (Haron Daud, 1993:46).

Ketika Islam diperakui sebagai agama rasmi di sebuah kerajaan, maka secara mudah Islam itu akan dapat mengembangkan pelbagai institusi bagi melaksanakan pelbagai aktiviti keagamaan. Sokongan yang diberikan baik secara langsung mahupun tidak langsung oleh raja akan mempermudah proses pengembangan Islam itu sendiri. Pada masa ini, raja boleh saja tidak terlibat aktif dalam pengembangan Islam, namun sebagai penguasa peranannya dalam mengatur strategi adalah amat diperlukan. Utusan-utusan yang dikirim yang mewakilinya merupakan usaha pendekatan yang lebih arif untuk memperkenalkan Islam kepada penguasa-penguasa lain supaya menerima Islam sebagai agama yang rasmi.

Dalam masa berikutnya tatkala Islam disebarkan ke kawasan-kawasan yang lebih luas lagi melintasi daerah luar Aceh, termasuk ke Pulau Jawa, maka peranan para wali adalah sangat bererti. Mereka menerapkan strategi dakwah dengan pelbagai cara bermula daripada mendirikan masjid, menyatupadukan kesenian tempatan

memenuhi keperluan Islam, mendidik ulama, berdakwah secara langsung kepada raja dan lingkungan kerabatnya, serta pendekatan-pendekatan sosial sesuai dengan situasi dan kondisi di tempat masing-masing (Ambariyanto,1992:17).

Peranan aktif para wali di Jawa dalam proses penyebaran Islam di sana adalah dengan usaha dan strategi politik yang mereka jalankan. Selain dari beberapa hal yang telah disebutkan di atas, mereka juga berperanan sebagai penyokong kesahihan kekuasaan raja. Kesahihan tersebut antara lain melalui isyarat garis keturunan yang diperlukan agar pewarisan Islam tidak akan menimbulkan kegoncangan dan kesesalan pada masa hadapan. Oleh itu, dalam perjalanan sejarah perjuangan para wali di Jawa dan juga ada kelompok penyebar lainnya termasuk kaum intelektual dan pedagang banyak yang berjaya menduduki kedudukan penting sebagai pegawai kerajaan dan berkahwin dengan penduduk tempatan, bahkan ada yang berkahwin dengan anak dan kerabat raja. Contoh wali di Pulau Jawa yang berjaya mencapai kedudukan penting sebagai ulama dan penguasa setelah berjuang menyebarkan dan membela kepentingan Islam ialah Sunan Gunung Jati di Cirebon, Banten yang berasal dari Aceh.

Kemudian wali lain yang juga terkenal berasal dari Pasai Aceh dan cukup berperanan dalam penyebaran Islam di Jawa iaitu Maulana Ishaq yang merupakan Abah daripada Sunan Giri (Reid, 2004:42). Pada peringkat awal beliau lebih menumpukan perhatian dengan mengajak penduduk tempatan di kawasan Balambangan, Jawa Timur untuk memeluk Islam (Azra,2005:11). Pada peringkat berikutnya penyebaran Islam dilakukan lebih meluas lagi ke kawasan-kawasan lainnya di Jawa melalui pendekatan-pendekatan yang lebih mendalam, termasuk menjalin hubungan dengan para wali yang lain.

Perbezaan pendapat para pengkaji mengenai seorang wali penyebar agama Islam di Jawa iaitu berkenaan dengan Raden Rahmat. Satu versi menyebutkan bahawa beliau datang dari Champa, suatu kawasan di Indocina yang merupakan pusat kerajaan Hindu-Buddha yang cukup terkenal. Kemudian sekitar pertengahan abad ke-13 hingga ke-17 M, kerajaan ini yang sudah Islam memainkan peranan penting dalam proses Islamisasi Asia Tenggara. Raden Rahmat datang ke Jawa menjumpai Puteri Champa (bibinya) di istana Majapahit yang sudah menjadi permaisuri raja di sana. Beliau disambut secara istimewa dan akhirnya dibenarkan meneruskan perjalanan ke Ampel berdekatan Surabaya untuk membina sebuah komuniti muslim dan mengislamkan penduduk di sana (Graaf dan Pigeaut,1974; Raffles,1817, sebagaimana dikutip Reid,2004:42). Gelaran Sunan Ampel yang diberikan kepada Raden Rahmat menunjukkan bahawa beliau digambarkan mempunyai peranan dalam menentukan Islamisasi Pulau Jawa, yang menyebabkannya dipandang sebagai pemimpin dari Wali Songo. Cerita tradisi lain yang muncul sekitar pertengahan abad ke-16 adalah *Hikayat Bandjar*, yang menyebutkan bahawa Raden Rahmat tidak berasal dari Champa, tetapi dari Pasai.

Sebuah kawasan di *Bireuen* Aceh, ditemui suatu tempat yang bernama *Jeumpa* memiliki latar belakang sejarah tersendiri. Cerita lisan menyebutkan bahawa *Jeumpa* adalah nama sebuah kerajaan yang pernah muncul di sekitar Bireuen. Sekarang kawasan tersebut menjadi sebuah daerah yang pernah dijumpai sisa-sisa bangunan lama yang menunjukkan kewujudan sebuah pusat kerajaan lama.

Apabila dihubungkan cerita lisan masyarakat Jeumpa dengan Raden Rahmat yang ceritanya berasal bukan dari Champa tetapi dari Pasai, maka ada kemungkinan Pasai sebagai tempat asal beliau yang dimaksudkan di sini ialah Jeumpa. Orang Aceh sering menyamakan sebutan Champa di Indocina dengan

Jeumpa di Bireuen Aceh. Satu hal yang boleh memperkuat hal ini adalah suatu peristiwa yang terjadi setelah jatuhnya Vijaya (ibu negeri Champa) ke tangan Vietnam pada pertengahan abad ke-15, orang Champa mulai menjalin hubungan dengan istana-istana Melayu-Muslim. Menurut *Sejarah Melayu*, para pangeran Champa yang kalah melarikan diri ke Melaka dan Aceh yang kemudian menjadi muslim (Reid,2004:45). Oleh itu berkemungkinan bahawa ada sebahagian antaranya memilih kawasan Jeumpa Bireuen dan menetap di sana. Raden Rahmat yang dimaksud di sini boleh jadi berasal dari Champa yang kemudian bermukim di Jeumpa Bireuen Aceh dan datang ke Jawa menjadi pemimpin para wali di sana. Antara Jeumpa dengan Pasai yang disebutkan sebagai daerah asal beliau jaraknya tidaklah berjauhan, kira-kira 60 km sahaja.

Jaringan yang dibina oleh kaum intelektual telah membuka komunikasi antara kerajaan atau antarabangsa, sehingga terjadinya pertukaran utusan dan misi antara kerajaan khasnya dengan kerajaan-kerajaan Islam yang ada. Melalui pembinaan-pembinaan yang dilakukan oleh kaum intelektual, misi penyebaran Islam meluas dan berjaya menyatukan budaya yang sebelumnya jauh dari Islam. Dalam penyampaian misi dakwah Islam yang dikembangkan melalui tulisan-tulisan kaum intelektual telah membuka jaringan yang lebih luas lagi sehingga karya mereka tersebar ke pelbagai kawasan di Nusantara.

Dari Aceh muncullah tokoh-tokoh intelektual yang berjasa dalam penyebaran dan penerapan Islam dalam pelbagai segi kehidupan antaranya adalah Syamsuddin as-Sumatrani, Hamzah Fansury dan Syekh Abdul Rauf as-Singkili. Syekh Yusuf dari Makasar pernah menjadi ulama di Banten dan Datok Sribandang dari Sumatera Barat mengislamkan Makasar dan lain-lain. Demikian juga sebaliknya, selain menjalankan misi Islamisasi ke luar dengan mengirimkan beberapa orang ulama dan juga karya-

karya tulis yang sangat berpengaruh, juga pengukuhan dalam pengangkatan ulama-ulama luar ke kedudukan penting tertentu sehingga kedudukan dan peranannya lebih mantap. Salah satu contoh adalah Nuruddin ar-Raniry telah jadi mufti di Kerajaan Aceh Darussalam yang menandakan adanya jalinan jaringan misi Islam yang lebih luas dan sifatnya terbuka.

1.3 Kajian Terdahulu

Penyelidikan arkeologi Islam khususnya di Aceh dan kawasan lain di Indonesia pada amnya bermula sejak 1884, ketika Muzium di Jakarta menerima laporan tentang penemuan beberapa nisan kuno di Kampung *Blangme* Kecamatan Samudra Aceh Utara dan beberapa daerah lain di sana. Ketika itu pemerintah Belanda yang sedang berkuasa di Indonesia meletakkan perhatian yang lebih besar lagi tatkala Muzium Jakarta menerima laporan yang lebih lengkap, disertai sokongan Snouck Hurgronje yang pernah berkunjung ke kawasan tersebut dalam tahun 1889. Kemudiannya, penyelidikan-penyelidikan arkeologi Islam di Indonesia terus dilakukan bukan sahaja oleh petugas rasmi kerajaan, tetapi juga dilakukan oleh beberapa ahli dalam bidang tersebut secara bersendirian dengan fokus bukan hanya pada nisan-nisan kuno, namun lebih luas dalam bidang-bidang yang lain.

Pengkaji luar yang merupakan perintis dalam penyelidikan arkeologi Islam adalah: Hurgronje (1907), Moquette (1912), Cowan (1938), Pijper, Damais (1957), Tichelman (1940) dan lain-lain. Sementara pengkaji tempatan yang terlibat adalah Hoesein Djajadiningrat (1911), kemudian Ibrahim Alfian (1973), Hasan Muarif Ambary (1984), Othman Mohd. Yatim (1988), Uka Tjandrasasmita (1992) dan lain-lain. Pada amnya sarjana asing lebih menitikberatkan kepada kajian yang menggunakan ilmu bantu filologi, namun demikian terdapat beberapa di antaranya telah melakukan pendekatan dengan menggunakan konsep-konsep arkeologi.

Ahli arkeologi telah melakukan penyelidikan tapak dan warisan Islam seperti makam kuno, masjid kuno, kota Islam lama, mata wang kerajaan Islam dan lain-lain. Penyelidikan yang dilakukan telah banyak memberikan sumbangan terhadap perkembangan pengetahuan arkeologi Islam di Nusantara.

Perkembangan kerja lapangan arkeologi Islam di Indonesia pada era kemerdekaan telah menghadapi tentangan yang makin kuat, lebih-lebih ketika perkembangan penelitian terhadap tapak-tapak bekas kota lama melalui kajian arkeologi perkotaan (*urban archaeology*) dan jumpaan-jumpaan tapak baru arkeologi Islam yang belum pernah diselidiki sebelumnya.

Seperti dimaklumi, kajian terdahulu menunjukkan perkembangan Islam di kawasan Asia Tenggara bermula dari Samudra Pasai, iaitu sebuah kerajaan yang berpusat di Aceh Utara sekarang ini dengan rajanya yang pertama Sultan Malik al-Shalih (meninggal pada tahun 1297 M). Kerajaan ini mulai berkembang sejak akhir abad ke-13 iaitu sejak merosotnya Kerajaan Sriwijaya dan berakhir pada abad ke-16 M tatkala berdirinya kerajaan Aceh Darussalam yang kemudian berjaya memasukkan Samudra Pasai menjadi daerah jajahannya (Ismail,1992:1; Hill,1960:7).

Sebagai kerajaan Islam yang terawal di Indonesia dan di Asia Tenggara, Samudra Pasai cukup berperanan dalam penyebaran agama Islam. Semasa kejayaannya, kerajaan ini mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang dan berjaya menjalin hubungan dengan pelbagai kerajaan lain. Bukti ini dapat dilihat dengan adanya pedagang-pedagang asing dari pelbagai kawasan yang datang ke Samudra Pasai seperti pedagang-pedagang dari Bengal, Rume (Byzantium), Turki, Arab, Persia, Gujarat, China dan Portugis (Tjandrasmita,1988:72). Hubungan yang berkembang berlaku terutamanya melalui aktiviti perdagangan telah menyebabkan pertukaran pelbagai barang dan juga pertukaran unsur-unsur kebudayaan. Perkara

sebegini mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan kota-kota di daerah pesisir serta membawa kesan kepada pergerakan sosial budaya. Hal yang demikian juga dapat dilihat pada beberapa benda atau bangunan dan juga pada kehidupan budaya non fizik (Tjandrasasmita, 1983:764).

Oleh kerana ramai pengkaji yang mengkaji mengenai masalah Islam di Aceh dan telah menulisnya berdasarkan beberapa sudut pandangan yang bersesuaian dengan bidang masing-masing, maka dalam bahagian ini hanya dibincangkan pendapat beberapa orang ahli sahaja yang relevan dengan kajian ini, iaitu Snouck Hurgronje, Moquette, Cowan, Hasan Muarif Ambary, Othman Yatim dan Uka Tjandrasasmita.

Perkembangan Islam di Nusantara telahpun dikaji bukan sahaja oleh pengkaji-pengkaji tempatan, tetapi juga ramai pengkaji luar. Salah seorang pengkaji luar yang banyak mengkaji masalah Islam di Nusantara ialah Cristian Snouck Hurgronje. Salah satu kajiannya yang banyak dibincangkan adalah berkenaan dengan masalah Islam di Aceh dan kaitannya dengan kehidupan masyarakat yang sangat fanatik.

Semasa berlakunya perang Belanda di Aceh pada 1873-1942, ramai penulis asing termasuk wartawan perang yang datang ke Aceh telah menulis dalam pelbagai sudut pandang seperti sejarah, geografi, etnografi, agama, politik dan lain-lain.

Snouck Hurgronje mulai merintis penulisan sejarah Aceh bersamaan dengan masa berlakunya kolonialisme Belanda di Aceh. Snouck Hurgronje pernah menetap di Aceh sejak bulan Julai 1891 sehingga Februari 1892. Dalam bulan Mei 1892, Snouck Hurgronje menyelesaikan laporannya yang diberi tajuk "*Verslag Omtrent Religieus-Politieke Toestanden in Atjeh*" (Laporan Berkaitan Keadaan politik-

Agama di Aceh). Kemudian laporan tersebut dijadikan sebagai acuan bukunya sebanyak dua jilid yang cukup terkenal iaitu *De Atjehers*.

Snouck Hurgronje pernah melakukan kajian berkenaan dengan masalah beberapa tulisan yang ditemui pada nisan kubur yang berhubung dengan perkembangan Islam di Aceh dan Nusantara. Satu hal yang dilakukan iaitu membuat kajian bagi membaca teks yang ada pada nisan tapak Samudra Pasai Aceh utara. Salah satu yang dibaca adalah tulisan raja perempuan yang pernah berkuasa di sana iaitu Sultanah Nahrisyah. Menurut Tjandrasasmita (1988:70) nama yang tertera di batu nisan raja perempuan tersebut ada yang membaca Bahiyah dan ada yang membaca Nahrisyah. Kajian Snouck Hurgronje tentang batu nisan Samudra Pasai pernah dipopularkannya dalam *inaugurele-rede*-nya (Pidato pengukuhan Guru Besar) di Universiti Leiden tahun 1907. Snouck Hurgronje pernah mengungkapkan bahawa Islam yang masuk ke Samudra Pasai adalah melalui India yang dibuktikan dengan adanya hubungan beberapa batu nisan kubur antara Samudra Pasai dengan Cambay India. Walau bagaimanapun, pendapat Snouck Hurgronje ada yang menyanggahnya. Kebanyakan sarjana timur berbeza pendapat dengan Snouck Hurgronje.

Salah seorang pengkaji masalah Islam di Aceh yang berdasarkan pada bukti-bukti batu nisan ialah J.P.Moquette. Menurut Moquette (1913:540), bahawa Islam pertama masuk ke Aceh di daerah Samudra Pasai Aceh Utara. Bukti ini ditunjukkan melalui tulisan pada batu nisan Sultan pertama kerajaan Samudra Pasai Malik al-Shalih yang mangkat pada tahun 1297 M.

Moquette yang mengkaji batu nisan Sultan Malik al-Shalih dan beberapa nisan lain di Samudra Pasai menyimpulkan bahawa batu nisan-batu nisan yang ada di Samudra Pasai merupakan batu nisan impot. Hasil kajian Moquette ini ditulis dalam

Tijdschrift voor Indische Taal-Land en Volkenkunde. Uitgegeven door het Koninklijk Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen (T.B.G.) no.54 pada tahun 1912 dan *Rapport Oudheidkundige Dienst in Nederlandsch-Indie. Uitgegeven door het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen (ROD)* pada tahun 1913. Kemudian hasil kajian ini diperkuat lagi dalam tulisannya dengan tajuk “*Fabrieks’werk*” yang dimuat dalam *Notulen van Algemeene en Bestuur Vergaderingen van het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen (NBG)* no.67 tahun 1920. Menurut Moquette (1920:45), corak penulisan dan bahan-bahan pada beberapa batu nisan Samudra Pasai seperti nisan Sultan Malik al-Shalih 696 H (1297 M), makam Sultanah Nahrisyah yang mangkat pada tahun 832 H (1428 M) dan nisan Malik Ibrahim Gresik Jawa Timur (1419 M), mempunyai persamaan dengan batu nisan Umar bin Ahmad al-Kazarumi di Cambay India yang mangkat pada tahun 743 H (1333 M). Oleh itu Moquette menegaskan bahawa nisan-nisan tersebut berasal dari satu kilang di Cambay India. Apa yang dimaksudkan buatan satu kilang itu bukan hanya dalam jenis bahannya sahaja, bahkan juga pada cara-cara membuatnya dan penempatan ayat-ayat Al-Quran dan tulisan-tulisan lainnya pada ruang-ruang tertentu, baik pada tepinya mahupun pada tempat-tempat yang dikhaskan untuk tulisan tersebut.

Seorang pengkaji lain yang pernah mengkaji masalah Islam di Nusantara ialah H.K.J.Cowan. Dalam penyelidikan yang dijalankan bagi mengungkapkan perkembangan Islam, Cowan sering menggunakan pendekatan-pendekatan arkeologi (Alfian,1986:8). Salah satu penyelidikan yang pernah dijalankan ialah mengungkapkan nama salah seorang raja yang pernah memerintah di Kerajaan Samudra Pasai melalui bacaan pada matawang dirham Samudra Pasai.

Hasil bacaannya dari sebuah matawang koleksi H.Scheffer (1938), telah mengungkapkan nama seorang raja yang pernah memerintah Samudra Pasai iaitu Mansur Malik al-Zahir. Dari keterangan yang ditemui diketahui bahawa Malik al-Zahir adalah gelaran yang digunakan oleh sebahagian besar keturunan Malik al-Shalih.

Melalui bacaan matawang dirham yang menyebutkan nama Sultan Mansur telah memperkuat kenyataan bahawa nama ini merupakan salah seorang raja yang pernah memerintah Samudra Pasai. Sehingga kini, makam sultan ini belum diketahui. Orang hanya mempercayai nama ini berdasarkan cerita seperti yang disebutkan dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* ataupun *Sejarah Melayu*. Menurut *Hikayat Raja-raja Pasai*, Sultan Mansur mangkat ketika dalam perjalanan pulang ke Pasai dari Tamiang, tempat ia dibuang oleh abangnya Sultan Malik al-Mahmud.

Salah satu kajian yang menarik yang pernah dilakukan oleh Tjandrasmita ialah membantah apa yang pernah dikaji oleh Moquette tentang Islam di Aceh khasnya mengenai batu nisan Sultan Malik al-Shalih Samudra Pasai yang dikaitkan dengan nisan Malik Ibrahim Gresik Jawa Timur dan nisan Umar bin Ahmad al-Kazarumi Cambay India yang mempunyai satu pabrik (kilang) pembuatan yang sama.

Menurut Tjandrasmita (1981:363), memang ada persamaan jenis bahan dan bentuk nisan serta beberapa batu lain pada abad ke-15 M, namun kenyataannya bahawa mangkatnya Sultan Malik al-Shalih pada 1297 M dimana pada masa tersebut Cambay justeru belum berkembang sebagai kawasan Islam. Tjandrasmita menegaskan bahawa bentuk bahkan jenis bahan nisan Sultan Malik al-Shalih sebenarnya tidaklah sama dengan nisan Umar bin Ahmad al-Kazarumi dari Cambay

India yang bertarikh 1333 M. Baik jenis batu, mahupun bentuk nisan kubur Sultan Malik al-Shalih mungkin dibuat di Samudra Pasai sendiri.

Selanjutnya, Tjandrasasmita (1981:365) menyebutkan bahawa yang ada persamaan dengan jenis bahan dan bentuk nisan Umar Ibn al-Kazarumi di Cambay ialah nisan kubur Sultanah Nahrisyah dan beberapa nisan lain di Samudra Pasai dari abad ke-15 M, demikian juga di Jawa Timur, makam Malik Ibrahim yang mangkat pada tahun 822 H (1419 M). Walau bagaimanapun, jika dibandingkan tahun mangkatnya Umar Ibnu Ahmad al-Kazarumi di Cambay (1333) dengan angka tahun yang tertulis pada nisan Sultanah Nahrisyah (1428) Samudra Pasai dan nisan Malik Ibrahim Gresik (1419) jarak masa hampir mencecah seratus tahun.

Tjandrasasmita (lihat lampiran 1), dalam banyak tulisannya menjelaskan bahawa proses kedatangan Islam di Aceh khasnya dan Nusantara pada amnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang berlaku pada waktu tersebut. Keadaan sosial ekonomi masyarakat tempatan umpamanya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi proses Islamisasi di Nusantara, sehingga perniagaan merupakan salah satu saluran yang berlaku dalam penyiaran Islam di Nusantara.

Dalam tesis doktornya yang bertajuk "*L'art Funeraire Mussulman en Indonesie des Origenis au XIX ame Siecl*" (1984), Hasan Muarif Ambary (lihat lampiran 2), membincangkan masalah perkuburan Islam di Nusantara dan bukti nisan yang menunjukkan adanya perkembangan yang dimulai oleh perkembangan Islam itu sendiri bagi kawasan Asia Tenggara yang berasal dari Samudra Pasai Aceh Utara.

Menurut Ambary (1988:14), bahawa nisan kubur Sultan Malik al-Shalih Samudra Pasai Aceh Utara abad ke-13 merupakan produk tempatan, kemudian nisan ini berkembang ke daerah-daerah lain lalu bersatu dengan elemen-elemen tempatan. Dari daerah asal, nisan tersebut berkembang melalui pesisir Barus, terus ke arah